

09/09/1997

Sabah ambil iktibar daripada manipulasi asing

Lichong Angkul

SEPERTI di Semenanjung, bahang serangan terhadap pasaran saham dan Ringgit Malaysia juga dapat dirasakan di Sabah.

Walaupun mungkin gelodak tempiasnya tidak sehebat di Kuala Lumpur yang menjadi pusat kegiatan ekonomi utama negara, isu itu terus menjadi perbualan umum di Kota Kinabalu.

Malah sejak beberapa minggu kebelakangan ini, semakin banyak orang memperkatakannya. Daripada tokoh korporat dan pemimpin politik negeri sehinggalah kepada jurujual kereta terpakai. Walaupun pada wajah mereka ada gambaran kebimbangan, mereka tetap meyakini kemampuan pimpinan tertinggi negara, terutama Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim, menangani isu itu dengan bijaksana.

Mereka percaya suasana suram dalam pasaran saham dan nilai mata wang ringgit akan pulih dalam jangka waktu yang terdekat ini, sambil merujuk kepada pengumuman Kerajaan Persekutuan kelmarin yang menyediakan dana khas RM60 bilion untuk menyelamatkan ekonomi negara daripada terus mengalami kemerosotan. Sejumlah RM30 bilion daripada dana berkenaan disumbangkan Khazanah Holding Bhd, manakala bakinya daripada sumber lain dalam negara.

Menurut Perdana Menteri, dana itu akan digunakan untuk membeli saham di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) dengan harga premium daripada pihak tempatan yang mahu menjual. Langkah itu diambil untuk membantu pelabur yang menghadapi masalah akibat kejatuhan mendadak harga saham berpunca daripada manipulasi berterusan dalam pasaran saham dan pasaran mata wang oleh orang asing.

Bagi kerajaan negeri, beberapa langkah jangka pendek dan panjang sudah diambil. Begitu pun, Ketua Menteri, Datuk Yong Teck Lee, mengakui bahawa kejatuhan pasaran saham dan mata wang itu tidak begitu menjejaskan negeri Sabah. Namun beberapa langkah awal sudah diambil kerajaan, antaranya memastikan lebih banyak penggunaan serta penghasilan barangan tempatan di samping mengurangkan import.

Bermakna, hanya import barangan perlu diberi keutamaan bagi mengelak berlakunya kenaikan harga atau inflasi yang membebankan rakyat seluruhnya.

Tindakan ini dijangka membantu usaha memperkukuh pertumbuhan ekonomi Sabah pada masa akan datang. Ketika ini unjuran pertumbuhannya sekitar 8.5 peratus. Namun perlu diingat, penyelesaian jangka panjang juga penting kepada pertumbuhan ekonomi berterusan. Sebagai mengimbangi langkah pengurangan import, maka usaha bagi menghasilkan lebih banyak bahan makanan sendiri perlu dipergiatkan dengan membabitkan semua sektor.

Dengan adanya langkah seperti itu, ia membantu mengelak negeri ini daripada terkena tekanan ekonomi yang lebih teruk.

Di pihak rakyat sendiri pun sebenarnya ada tanggungjawab yang harus dipikul. Dalam konteks ini, rakyat perlu berusaha menghasil bahan makanan sendiri dan tidak terlalu bergantung kepada bekalan daripada luar negara. Cara ini bukan saja dapat mengelak kerajaan daripada mengimport (yang mungkin akhirnya menjerumuskan kita dalam kancah inflasi), tetapi lebih penting memberikan daya saing kepada Sabah di pasaran luar negara.

Sementara di pihak swasta pula, sekurang-kurangnya enam syarikat tempatan Sabah yang disenaraikan di BSKL awal-awal lagi memberi sambutan menggalakkan.

Mereka mengadakan sidang akhbar khas bagi mengumumkan sokongan terhadap pengumuman Perdana Menteri serta langkah tegas kerajaan membendung

serangan manipulasi asing terhadap harga saham di pasaran tempatan. Mereka berharap tindakan itu membantu memperkukuh pasaran saham negara.

Enam syarikat Sabah terbabit ialah Kilang Papan Seribu Daya (KPSD) Bhd, Construction & Supplied House Bhd (CASH Bhd), MGR Corporation Bhd, Sitt Tatt Bhd, Chase Perdana Bhd dan North Borneo Timber Bhd (NBT).

Pengarah Urusan CASH Bhd, Datuk Joseph Ambrose Lee, yang bertindak sebagai jurucakap kumpulan enam syarikat berkenaan menegaskan sokongan terhadap tindakan tegas kerajaan menangani masalah itu dibuat kerana kini tercetus perang oleh pihak luar terhadap ekonomi negara.

Menurutnya, serangan manipulasi terhadap Bursa Saham Hongkong minggu lalu menunjukkan bahawa perang ekonomi sudah diisytiharkan terhadap Asia.

"Selepas berjaya menjatuhkan mata wang Asia, termasuk Baht, Rupiah, Peso, Won, Dollar (Singapura) dan Ringgit dalam beberapa bulan lalu, sindiket yang didalangi pihak luar Asia kini mengalihkan perhatian terhadap pasaran ekuiti rantau ini pula," katanya.

Sambil itu, beliau mahu syarikat tempatan Sabah yang disenaraikan di BSKL yang sebelum krisis ini mempunyai modal RM16 bilion, menyertai gerakan bersama membanteras spekulasi liar itu.

Dalam konteks ini, sewajarnya semua pihak - kerajaan, swasta dan rakyat perlu mengembleng usaha mempertahankan ekonomi negara.

Kalau serangan terhadap pasaran saham dan mata wang itu boleh dianggap sebagai perang, bermakna kita bukan saja harus mempertahankan diri, tetapi sebaliknya boleh menyerang balas.

Justeru, kalau ada segelintir manusia di dalam negara sendiri yang melakukan manipulasi dengan menjual skrip kepada asing bagi mendapat untung cepat, mereka sewajarnya dikenakan tindakan undang-undang setegas mungkin.

(END)